



© Projek Sekolah Cahaya Society

W A R T A C A H A Y A

CAHAYA
SOCIETY
EDUCATION FOR ALL

JAN
2024

SIAPA KAMI?

Cahaya Society ialah organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia sebagai Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah.

Ditubuhkan pada Januari 2019 dan berfokus pada kepada advokasi pendidikan alternatif untuk anak-anak tanpa negara, kebajikan sosial dan pemberdayaan komuniti di Sandakan, Sabah.

Sebagai organisasi masyarakat sivil, Cahaya Society percaya kepada perubahan sosial yang komprehensif dan sikap memihak kepada komuniti yang dipinggirkan sebagai misi kemanusiaan pertama dan utama. Memasuki usia yang keenam tahun, Cahaya Society didukung penuh oleh rakyat Malaysia yang berkongsi rasa dan percaya.

Demi Pendidikan,

Merdeka!



ARTIKEL | Pendidikan (bukan) Untuk Semua!

oleh Rien Sd

Siapa yang memulakan ungkapan pendidikan untuk semua? Adakah ianya organik dan tersembur keluar daripada kerongkong rakyat? Ke muka dan dahi siapakah ianya ditujah dan seharusnya ditunjal-tunjal? Apakah negara kita sedang dikemudi oleh manusia konyol yang lupa bahawa pundaknya sedang terbeban mandat rakyat?

Kita menjadi gusar apabila busur-busur panah yang kita tembak tepat ke dada gerombolan pemerintah hanya menggelikan namun tidak melukakan. Kebal dan handal para pendekar politik kita. Rakyat yang bermati-matian melunaskan kerja pemerintah- kerja memberi pendidikan, kebajikan dan pemberdayaan. Setelah berlelah letih, kita perlu menghadap segala macam sepak terajang intimidasi kerana diwaspadai dan dituduh subversif.

Apakah kita mempersiapkan generasi lunyai, kangkung dan lembik untuk masyarakat pada masa hadapan? Bertitik tolak daripada semua ini pastilah kita akan menoleh ke belakang, melihat kefasadan yang menanah dalam pendidikan kita hari ini- bersorak namun tidak memihak.

Negara bukan perkakas politik pemerintah. Ianya adalah rumah bagi merayakan kerencaman dan kepelbagaian. Justeru, kerja mendidik rakyat agar menjadi tuan di rumahnya sendiri dan menyedari bahawa setiap inci penjuru rumahnya adalah kepunyaannya tanpa menafikan hak kepemilikan orang lain.

Maka, wacana pendidikan tidak seharusnya dibiar terus-menerus mencair dalam hal teknikal yang ruwet sehingga tertanggal daripada sarung manusiawi yang sepatutnya menjadi perisai utama mendepani kejahilan kolektif yang dianuti oleh manusia jadong dalam negara ini

Pendidikan milik siapa?

Ketika KPM- nakhoda yang mengendali sistem pendidikan arus perdana dalam negara menafikan data keciciran murid yang didedahkan oleh Untuk Malaysia iaitu seramai 100,000, kita di Sabah masih lagi membilang-bilang jari, berapa puluh ribu anak-anak rentan di sini yang belum pandai mengasah pensil?

Mengapa pendidikan tidak menyapa anak-anak yang diabaikan dan dinafikan pendidikannya angkara kerumitan dan keputusan pemerintah yang tidak memihak? Sekiranya pendidikan ini malaikat, mengapa kepaknya tidak menjadi lembayung yang melindungi para murba yang buta huruf dan terpinggirkan?

Mengapa pendidikan tidak menyapa anak-anak yang diabaikan dan dinafikan pendidikannya angkara kerumitan dan keputusan pemerintah yang tidak memihak? Sekiranya pendidikan ini malaikat, mengapa kepaknya tidak menjadi lembayung yang melindungi para murba yang buta huruf dan terpinggirkan?

Kerajaan yang menuip slogan Madani pada corong sangkakala pemerintah dalam negara ini seharusnya memaksa dan mengheret pendidikan keluar daripada terowong elit yang eksklusif agar ianya benar-benar menjadi misi menyelematkan anak bangsa tanpa prejudis dan melihat anak-anak rentan sebagai kudis-kudis yang kotor, busuk dan jijik. Bagi mempersiapkan negara ke arah masyarakat Madani yang tuah,

toleran dan cemerlang, kita harus bersedia untuk berjalan bersama dan menamatkan pengabaian yang sudah menjadi rahsia umum dan kemelut kemanusiaan yang tidak menemukan sifir solusi yang konkrit.

Di bawah, rakyat sedang melihat malapetaka yang tidak dibendung apabila anak-anak rentan- di Sabah- terutamanya masih bergolok bergadai mencari ruang selamat untuk mengenal aksara. Bersekolah semacam dosa apabila gerak mereka diwaspadai, sentiasa merasa terancam dan tiada akses untuk bermain sebagai inisiatif psikososial yang seharusnya dimiliki oleh semua kanak-kanak di dunia.

Rentan bukan tercicir namun diabaikan!

Sabah adalah wilayah yang paling kelam kabut dalam negara apabila ia berdepan dengan pertukaran kerajaan yang kerap sekaligus berhadapan dengan sesetengah pemuka politik samaada daripada blok pemerintah atau pembangkang- yang prejudis, dangkal dan rigid.

Isu pengabaian pendidikan tidak lagi sekadar analisis keciciran kerana sekolah yang sedia ada juga tidak mampu menampung anak-anak tempatan untuk mendapatkan pendidikan. Kefasadan sosial yang memenuhi sfera publik telah menjadi nanah yang merosakkan seluruh tubuh pembangunan dalam wilayah ini.

Jalan raya yang rosak, jambatan yang usang, air yang kotor, pembangunan yang dimonopoli oleh kapitalis tamak, projek-projek infra yang dilobi oleh biawak politik serta pemaju-pemaju yang tidak menanggung obligasi dengan jujur.

Anak-anak rentan di Sabah masih tidak menemui bilangannya yang tepat. Sejak 2016, kerongkong dan mulut rakyat berbuih bercakap tentang hak berpendidikan komuniti rentan di Sabah. Ianya semacam fenomena yang masuk ke telinga kanan dan keluar daripada tengkuk pemerintah. Isu dokumentasi, pendataan dan pemetaan, serta penyelesaian yang komprehensif seharusnya datang daripada pembikin dasar dan polisi yang telah dipilih rakyat.

Ianya kerja yang tidak boleh dilengah-lengahkan memandangkan kita sentiasa berhadapan dengan ahli politik rakus yang dibelit iblis untuk sentiasa mendampingi kuasa dan membelakangkan misi manusiawi sebagai pemimpin manusia.

Rakyat sedang menyimpul dan menjahit koyak yang berlaku di bawah. Perubahan telah ditukang daripada bawah. Ianya adalah simbolik tidak percaya bahawa perubahan datang daripada atas. Ianya tidak akan turun mengotorkan kaki dan tangan. Apa yang di atas, kekal di atas. Rakyat harus mengambil tombak dan menjoloknya agar jatuh tergolek menyembah tanah.

(Tulisan ini diterbitkan di kolom Arkib Cahaya)

DARI MEJA ALUMINI

Salam setiakawan kepada semua pembaca Warta Cahaya. Terima kasih Cahaya Society kerana beri kami ruang untuk kongsi gerak kerja kami di sini.

KAC tahun ini masih menjalankan program-program utama seperti Kem Cita Cahaya, Bengkel Kemahiran, Projek Iskul dan banyak lagi.

Antara yang baru dijalankan adalah Akademi Pemuda Cahaya (APC). KAC menjalankan siri pembelaran berasaskan tugas dan diskusi bersama guru kami.

Antara kuliah utama dalam APC adalah Sosiologi, Hak Minoriti, Keadilan Gender, Alam Sekitar, Pendidikan Politik dan Pemikiran dalam Islam.




BIKIN APA?

W A R T A C A H A Y A



Cahaya Buka Pintu

Pertemuan pertama anak-anak, komuniti dan guru komuniti untuk penerangan tentang perjalanan Program Pendidikan Alternatif pada tahun 2024.



Laporan Impak 2023

Webinar dan pelancaran dokumen penuh Laporan Impak 2023 sebagai rangkuman, sorotan, dan kompilasi aktiviti, program dan projek sekaligus dana dan perbelanjaan bagi tujuan transparansi dan akauntabiliti.



Bengkel Literasi Kewangan

Bengkel pembangunan kapasiti yang pertama membabitkan beberapa Pusat Pembelajaran Alternatif dan Sekolah Swasta berkaitan Literasi Kewangan yang turut dikendalikan oleh Kelab Alumni Cahaya sebagai fasilitator.



Borneo Komrad x Cahaya Society

Kunjungan aktivis Borneo Komrad dan guru-guru Sekolah Alternatif untuk tujuan silaturahmi dan perkongsian advokasi sebagai tali solidariti dalam usaha menuntut hak pendidikan kanak-kanak terpinggir di Sabah.



Call Over Ridges x Cahaya Society

Kunjungan oleh pasukan Call Over Ridges (COR) daripada Taiwan untuk tujuan silaturahmi dan memahami advokasi masing-masing.



Pendidikan Fizikal & Kesihatan Komuniti (PFKK)

Penilaian dan pemantauan keberkesanan modul PFKK dan mengkompilasi maklumbalas daripada guru komuniti serta pelajar di Pusat Pembelajaran Alternatif berkaitan impak modul kepada pendidikan kesihatan dan keselamatan dalam komuniti.



Akademi Pemuda Cahaya (APC)

Kelas pengajian membabitkan alumni cahaya yang sudah bergraduasi dalam Program Pendidikan Alternatif. Pengajian melibatkan beberapa tema utama iaitu Sosiologi, Keadilan Gender, Alam Sekitar, Pemikiran dalam Islam, Hak Minoriti dan Politik Malaysia.



Back to School 2024 Programme

Program adalah distribusi 200 kit alat tulis kepada pelajar-pelajar di Sandakan, Sabah. Program ini ditaja oleh Budimas Charitable Foundation.

BIKIN APA?



Farmasi Komuniti

Pelancara Farmasi Komuniti sebagai inisiatif memberi akses kesihatan asas seperti pemberian ubat terkawal secara percuma dan pemeriksaan kesihatan percuma bertumpu kepada komuniti cahaya antaranya pemeriksaan tekanan darah dan gula dengan latihan oleh Dr. Adlina daripada Jabatan Pediatrik HDOK, Sandakan.



Program Nutrisi

Program yang ditaja penuh oleh UNICEF Malaysia berkaitan tajaan nutrisi makanan dan kit kebersihan untuk anak-anak Pusat Pembelajaran Alternatif di Sandakan, Sabah.



Kuliah Ibrah: Isra & Mikraj

Ceramah agama oleh Ustaz Khairul Yunus berkaitan perjalanan spiritual Sang Nabi, Rasul mulia dalam peristiwa Isra' Mikraj bersama anak-anak dan komuniti cahaya.

PEMUDA
PEMUDI
SEMUA MARILAH
BANGUNLAH BERSATU
SEMUA MARILAH
BERSAMA SERTA
MAJU JAYA
MERDEKA
SEPANJANG
MASA!



ANALISIS DARI BAWAH

Warta Cahaya kali ini, kita memaparkan dan mengangkat beberapa rentetan analisis yang terus daripada komuniti. Bagi memastikan suara-suara terpasuk dan sarat hidup didengar kepada yang mencintai kemerdekaan pada semua.


“ ini la bah kami, Sekolah tu depan rumah seja, tapi anak kami nda Sekolah “ (Hassan 2024)

Kemudahan asas pendidikan yang tersedia dipersekitaran sosial komuniti layaknya mendapat impak manfaatnya untuk semua, Namun tidak pada tiga lokaliti ini. Kanak-kanak masih ramai berkeliaran diwaktu-waktu persekolahan. Menghabiskan sepanjang hari ditepian jalan, mencari permainan apa sahaja dan mengerjakan apa sahaja. Tubuh badan yang kering menjadi lahan luka yang tidak dirawat dengan baik.

Hampir kesemua kanak-kanaknya yang ditemui di komuniti memiliki parut luka, tidak perna bersekolah, hanya bermain dan menjadi buru upah kepada sesiapa yang mahu menggunakan khidmat mereka.

Kanak-kanak tidak mempunyai daya dan upaya keluar daripada keganasan kitaran hidup. Walhal, ruang pendidikan dan keselamatan adalah fatwa wajib untuk semua kanak-kanak.

oleh **Randy Kevin**



(Lokaliti Komuniti)



(Peta Komuniti)

DAPATAN DI LAPANGAN

Kesihatan Komuniti

Komuniti terdedah dengan kecederaan dan masalah kesihatan yang serius. Namun ruang mengakses rawatan adalah terhad sehingga ramai komuniti memiliki masalah kesihatan yang berpanjangan.

Ruang Selamat

Kanak-kanak yang tidak bersekolah banyak menghabiskan waktu mereka bermain di atas jalan disebabkan ruang bermain yang selamat tidak diwujudkan. Sehingga masalah luka dan patah kerap berlaku. Paling membimbangkan adalah dilanggar oleh mana-mana kenderaan.

Eksplotasi Kanak-kanak

Kanak-kanak yang tidak bersekolah kerap dipengaruhi menjadi orang suruhan untuk melakukan apa sahaja pekerjaan yang tidak sesuai dengan usia mereka. Perkara ini mengancam untuk dipengaruhi menjadi pengedar bahan terlarang dan sendiket penyeludupan.



PELAN MITIGASI

Program Kesihatan Komuniti

Membabitkan lebih 10 -15 lokaliti dalam memberikan rawatan dan pemeriksaan kesihatan secara percuma. Tujuan ini untuk memastikan komuniti peka dengan masalah kesihatan setempat dan juga memenuhi hasrat hak kesihatan hak semua.

Program Sukan Rakyat Tahunan

Meberikan ruang dan peluang kepada komuniti untuk terlibat dalam aktiviti fizikal dan kesihatan yang lebih selamat dan kondusif. Kanak-kanak juga mampu berekspresi lebih jauh disamping mengurangkan keredahan emosi mereka yang dihimpit dengan pengambalian sosial.

Pendataan dan Pemetaan

Membangunkan dan mewujudkan suatu pangkalan data bagi tujuan advokasi yang lebih mapan berdasarkan kebutuhan, fakta dan masalah akar yang dihadapi bagi komuniti setempat.



BULAN DEPAN, BIKIN APA?



Kembara Advokasi

Program pendidikan dan pertukaran idea antara Pusat Pembelajaran Alternatif membabitkan beberapa aktiviti kreatif dan pembangunan kapasiti melibatkan anak-anak rentan.

Kelas Muzik Ukulele

Kelas terbuka belajar asas kod ukulele untuk pelajar-pelajar di Sandakan, Sabah sempena Cuti Akhir Tahun yang dikendalikan oleh Kelab Alumni Cahaya.

World Stalessness Conference

Cahaya Society akan menghantar wakil ke WSC 2024 di Tayloy University, Kuala Lumpur untuk pembangunan jaringan, solidariti dan pembangunan kapasiti yang lebih konkrit bersama para advokator di serata dunia.

Garaj Cahaya

RM35

+6011 5167 0645



GARAJ CAHAYA

Lihat katalog produk kami di www.cahayasociety.org

*"Produk ini adalah karya jahitan oleh
ibu komunitas cahaya menerusi
Kelas Menjahit Komuniti."*

UPCOMING EVENT / CAMPAIGN

CAHAYA SOCIETY

KELAS ASAS UKULELE

(sempena Cuti Akhir Tahun)

Yuran: RM50

- 4 Sesi (Feb 2024)
- 2 jam/sesi
- Setiap Sabtu
- Sijil, Modul & Sirap disediakan.
- Pelajar berumur 10- 15 tahun
- Terhad 10 orang
- Ukulele akan disediakan

Tenaga Pengajar

Mr. Mukti Mr. Adzhar

Daftar di sini:

Pusat Kemahiran Cahaya

013 463 1102

CAHAYA SOCIETY

KEMPAEN FIRST-AID KIT

8603686012 **CIMB**

RM100 PER KIT
CIMB (S) KERT. UNIT 101/102/103/104/105/106/107/108/109/110/111/112/113/114/115/116/117/118/119/120/121/122/123/124/125/126/127/128/129/130/131/132/133/134/135/136/137/138/139/140/141/142/143/144/145/146/147/148/149/150/151/152/153/154/155/156/157/158/159/160/161/162/163/164/165/166/167/168/169/170/171/172/173/174/175/176/177/178/179/180/181/182/183/184/185/186/187/188/189/190/191/192/193/194/195/196/197/198/199/200/201/202/203/204/205/206/207/208/209/210/211/212/213/214/215/216/217/218/219/220/221/222/223/224/225/226/227/228/229/230/231/232/233/234/235/236/237/238/239/240/241/242/243/244/245/246/247/248/249/250/251/252/253/254/255/256/257/258/259/260/261/262/263/264/265/266/267/268/269/270/271/272/273/274/275/276/277/278/279/280/281/282/283/284/285/286/287/288/289/290/291/292/293/294/295/296/297/298/299/300/301/302/303/304/305/306/307/308/309/310/311/312/313/314/315/316/317/318/319/320/321/322/323/324/325/326/327/328/329/330/331/332/333/334/335/336/337/338/339/340/341/342/343/344/345/346/347/348/349/350/351/352/353/354/355/356/357/358/359/360/361/362/363/364/365/366/367/368/369/370/371/372/373/374/375/376/377/378/379/380/381/382/383/384/385/386/387/388/389/390/391/392/393/394/395/396/397/398/399/400/401/402/403/404/405/406/407/408/409/410/411/412/413/414/415/416/417/418/419/420/421/422/423/424/425/426/427/428/429/430/431/432/433/434/435/436/437/438/439/440/441/442/443/444/445/446/447/448/449/450/451/452/453/454/455/456/457/458/459/460/461/462/463/464/465/466/467/468/469/470/471/472/473/474/475/476/477/478/479/480/481/482/483/484/485/486/487/488/489/490/491/492/493/494/495/496/497/498/499/500/501/502/503/504/505/506/507/508/509/510/511/512/513/514/515/516/517/518/519/520/521/522/523/524/525/526/527/528/529/530/531/532/533/534/535/536/537/538/539/540/541/542/543/544/545/546/547/548/549/550/551/552/553/554/555/556/557/558/559/560/561/562/563/564/565/566/567/568/569/570/571/572/573/574/575/576/577/578/579/580/581/582/583/584/585/586/587/588/589/590/591/592/593/594/595/596/597/598/599/600/601/602/603/604/605/606/607/608/609/610/611/612/613/614/615/616/617/618/619/620/621/622/623/624/625/626/627/628/629/630/631/632/633/634/635/636/637/638/639/640/641/642/643/644/645/646/647/648/649/650/651/652/653/654/655/656/657/658/659/660/661/662/663/664/665/666/667/668/669/670/671/672/673/674/675/676/677/678/679/680/681/682/683/684/685/686/687/688/689/690/691/692/693/694/695/696/697/698/699/700/701/702/703/704/705/706/707/708/709/710/711/712/713/714/715/716/717/718/719/720/721/722/723/724/725/726/727/728/729/730/731/732/733/734/735/736/737/738/739/740/741/742/743/744/745/746/747/748/749/750/751/752/753/754/755/756/757/758/759/760/761/762/763/764/765/766/767/768/769/770/771/772/773/774/775/776/777/778/779/780/781/782/783/784/785/786/787/788/789/790/791/792/793/794/795/796/797/798/799/800/801/802/803/804/805/806/807/808/809/810/811/812/813/814/815/816/817/818/819/820/821/822/823/824/825/826/827/828/829/830/831/832/833/834/835/836/837/838/839/840/841/842/843/844/845/846/847/848/849/850/851/852/853/854/855/856/857/858/859/860/861/862/863/864/865/866/867/868/869/870/871/872/873/874/875/876/877/878/879/880/881/882/883/884/885/886/887/888/889/890/891/892/893/894/895/896/897/898/899/900/901/902/903/904/905/906/907/908/909/910/911/912/913/914/915/916/917/918/919/920/921/922/923/924/925/926/927/928/929/930/931/932/933/934/935/936/937/938/939/940/941/942/943/944/945/946/947/948/949/950/951/952/953/954/955/956/957/958/959/960/961/962/963/964/965/966/967/968/969/970/971/972/973/974/975/976/977/978/979/980/981/982/983/984/985/986/987/988/989/990/991/992/993/994/995/996/997/998/999/1000

Pertubuhan Pendidikan Anak Cahaya Sabah

8603686012 (CIMB Bank)



CAHAYA ENTERPRISE-QR

"Pendidikan Untuk Semua"

- 🌐 cahasociety.org
- ✉ cahasociety@gmail.com
- ☎ 089 666 915